



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM GALERI UNITI MALAYSIA FESTIVAL TAHUN BAHARU CINA, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

20 Januari 2023, IPOH – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menganjurkan Program Galeri Uniti Keluarga Malaysia Festival Tahun Baharu Cina bertempat di AEON Mall Klebang Ipoh. Program anjuran bersama AEON Co. (M) Bhd ini berlangsung selama tiga hari bermula dari 19 hingga 21 Januari 2023.

2. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Encik Sivanesan Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Negeri Perak. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Edisi Galeri Uniti Malaysia pada kali ini disertai oleh agensi baharu Kementerian iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

3. Objektif utama program ini adalah untuk mengeksplorasi tapak integrasi yang dapat menyemai semangat perpaduan dan amalan sikap hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat. Program ini turut menghimpunkan detik-detik perpaduan merentasi sempadan kaum, agama, budaya dan bahasa serta membuka ruang kepada rakyat untuk saling berinteraksi antara satu sama lain. Unikinya, penganjuran program Galeri Uniti Malaysia pada tahun ini mengetengahkan tema perayaan Tahun Baharu Cina bagi menyemarakkan lagi rasa muhibbah masyarakat di negara ini.

4. “Hormat” adalah salah satu daripada enam Rukun Malaysia MADANI sepertimana yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Justeru, bertepatan dengan hasrat Kerajaan, program seumpama ini berupaya menyumbang ke arah pembangunan modal insan yang saling menghormati antara satu sama lain dan akhirnya membina kehidupan yang aman dan harmoni.

5. Beberapa pengisian utama yang memberi manfaat khususnya dari sudut pembelajaran ilmu adat dan budaya pelbagai etnik seperti:

i. Pavillion Festival Tahun Baharu Cina

Menampilkan elemen-elemen istimewa berunsurkan masyarakat kaum Cina sempena sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.

ii. Pameran Rumah KAMI

Rumah KAMI menghimpunkan pameran berkaitan adat dan tradisi masyarakat kaum Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak. Pengunjung berpeluang mencuba makanan, permainan alat muzik tradisional, dan pakaian pelbagai etnik.

iii. Galeri Momen UNITI

Potret-potret yang menampilkan detik-detik perpaduan melalui sukan, makanan, perkahwinan, adat dan budaya pelbagai kaum.

iv. Permainan Sukan Rakyat

Pendedahan kepada sukan tradisional yang jarang dimainkan oleh masyarakat zaman kini seperti Congkak, Diabolo, Yo-Yo Cina, Dam Aji, Dam Ular Perpaduan dan Batu Seremban.

v. Persembahan Kebudayaan dan Busana Tradisional

Tarian kebudayaan dengan iringan muzik pelbagai kaum turut diserikan di pentas utama.

6. Kementerian yang diterajui oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang terus komited menggalas tanggungjawab dalam memastikan agenda pembangunan Malaysia MADANI dapat direalisasikan. Penganjuran program yang berkonsepkan semangat permuafakatan ini akan diperluas ke seluruh negara dengan penglibatan lebih banyak lagi rakan strategik KPN meliputi agensi awam, swasta, dan badan bukan kerajaan.

Kementerian Perpaduan Negara

20 Januari 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (162)